



Bachelor Rekabentuk Perindustrian Distruktur Semula



Antara peserta yang menghadiri seminar.

SERDANG, 15 Mac – Fakulti Rekabentuk dan Seni Bina (FRSB) Universiti Putra Malaysia (UPM) menstruktur semula Bachelo Rekabentuk Perindustrian untuk menjadikan inovasi sebagai bidang utama dalam pengajaran dan pembelajaran.

Penstrukturan semula akan bermula pada pengambilan pelajar baharu semester pertama sesi 2010/2011 pada Julai ini yang menyaksikan program tersebut dilanjutkan dari tiga tahun kepada empat tahun.

Dekan FRSB UPM, Prof. Madya Dr. Osman Mohd Tahir dalam ucapannya berkata para pelajar akan diperkenalkan dengan dua subjek baru pada tahun empat iaitu Rekabentuk Berbantu Komputer Lanjutan dan Projek Ilmiah serta dua subjek lanjutan tahun tiga iaitu Studio Rekabentuk dan Teknologi Bahan.

“Pelajar juga akan menjalani latihan industri selama satu semester pada tahun empat iaitu enam bulan berbanding lapan minggu sebelum ini untuk memberi peluang kepada pelajar mendapat pengalaman lebih luas,” katanya pada Industrial Design Seminar : Innovations Through Design di sini.

Beliau berkata seminar tersebut bertujuan mempromosikan industri serta pengajian rekabentuk kepada pelajar siswazah yang berpotensi.

Dr. Osman berkata pencapaian fakulti pada tahun lalu ialah 25 projek produk rekabentuk telah diterima oleh Pendaftaran Rekabentuk Industri (ID), satu projek tahun akhir telah dicadangkan untuk pendaftaran paten serta dua penyelidikan berasaskan inovasi telah menerima PCT-pending registrations.



Prof. Dr. Osman menyampaikan ucapan perasmiannya.

Turut hadir ialah Presiden Pertubuhan Kreativiti dan Inovasi Malaysia (MACRI), Datuk Ghazi Sheikh Ahmad dan Pengerusi Majlis Rekabentuk Malaysia, Prof. Datuk Dr. Ahmad Zainuddin sebagai penceramah.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Hazwan Faisal Mohamad, Faisal, 03-89466013).**

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia